

0353

U 8852 AAB
MAHKAMAH - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH HARI INI MENGEMUKAKAN SAMAN MALU DI MAHKAMAH TINGGI DI SINI TERHADAP DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DENGAN BERKATA BELIAU TIDAK PERNAH MENYEBUT AKAN MENGHAPUSKAN PAS DAN DAP APABILA +BARISAN ALTERNATIF+ BERKUASA.

YANG TURUT DISAMAN IALAH THE NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BHD -- PENERBIT THE NEW STRAIT TIMES DAN BERITA HARIAN -- DAN UTUSAN MELAYU (M) BERHAD -- PENERBIT UTUSAN MELAYU DAN UTUSAN MALAYSIA.

TENGGU RAZALEIGH MENYIFATKAN UCAPAN-UCAPAN PERDANA MENTERI MENGENAI PERKARA ITU, YANG DISIARKAN DI AKHBAR-AKHBAR, SEBAGAI TIPU HELAH SEMATA-MATA DAN LAHIR DARIPADA TUJUANNYA UNTUK MEMBUBARKAN +BARISAN ALTERNATIF+ YANG TERDIRI DARIPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG DI MALAYSIA.

DALAM SAMANNYA, BELIAU BERKATA KENYATAAN PERDANA MENTERI DI CHANGLON YANG DISIARKAN DI AKHBAR-AKHBAR BERKENAAN PADA 21 DAN 22 SEPT, DI KUALA LUMPUR PADA 24 SEPT DAN DI KUALA TERENGGANU PADA 2 OKT, BERMAKSUD BAHAWA BELIAU IALAH SEORANG HIPOKRIT, TIDAK JUJUR DAN TIDAK LAYAK MEMEGANG JAWATANNYA ATAU APA-APA JAWATAN.

KATANYA, MEMANDANGKAN +BARISAN ALTERNATIF+ YANG DIKETUAINYA SEMAKIN KUKUH DAN MENERIMA SOKONGAN RAKYAT, DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM CUBAANNYA UNTUK MEMBURUKKAN BELIAU TELAH SECARA SALAH SERTA BERNIAT JAHAT DAN DENGAN +NIAT MENCEDERAKANNYA+ BERKOMPLOT DENGAN THE NEW STRAITS TIMES PRESS DAN UTUSAN MELAYU (M) BHD UNTUK MENYIARKAN KENYATAAN PALSU DAN FITNAH ITU. -- LAGI
1436MST 06 10 90

D354

U 8853 AAB
MAHKAMAH - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

TENGGU RAZALEIGH BERKATA, TINDAKAN ITU TELAH MENJEJASKAN DENGAN SERIUS KEPERIBADIAN, KEPERCAYAAN DAN REPUTASI SERTA TERHADAP JAWATAN-JAWATAN BELIAU, SELAIN MENDEDAHKAN BELIAU KEPADA SKANDAL AWAM DAN PENGHINAAN.

BELIAU MEMINTA BAYARAN GANTI RUGI SEBANYAK \$12,000 SEBAGAI PERBELANJAAN YANG DITANGGUNGNYA UNTUK MENGADAKAN PERJUMPAAN-PERJUMPAAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA PAS DAN DAP UNTUK MENYANGKAL TUDUHAN-TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS ITU.

BELIAU JUGA MEMINTA MAHKAMAH SUPAYA MENGHALANG DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DUA DEFENDAN TERSEBUT DARIPADA MENYIARKAN KENYATAAN-KENYATAAN ITU SETERUSNYA ATAU KENYATAAN-KENYATAAN LAIN YANG MENCERMINKAN PERKARA YANG NEGATIF TERHADAPNYA DAN/ATAU MENGEDARKAN PITA-PITA RAKAMAN BERKENAAN. BELIAU JUGA MINTA GANTI RUGI DAN KOS.

KETIGA-TIGA DEFENDAN ITU MEMPUNYAI LAPAN HARI UNTUK MENGHADIRKAN DIRI DI MAHKAMAH UNTUK MENJAWAB SAMAN ITU SELEPAS PENYERAHAN SAMAN TERSEBUT. -- BERNAMA
1438MST 06 10 90